

14 AUG 2000

Mahathir-Peniaga

PENIAGA KECIL PERLU UBAHSUAI CARA PERNIAGAAN, KATA DR MAHATHIR

ALOR SETAR, 14 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini peniaga kecil perlu meningkatkan keupayaan dan cara berniaga supaya setanding dengan mereka yang berniaga secara besar-besaran.

Perdana Menteri berkata mereka harus belajar cara-cara untuk meningkatkan perniagaan mereka dengan mempraktikkan kaedah perniagaan besar-besaran ke dalam perniagaan mereka.

"Dalam perniagaan kita perlu sentiasa berusaha memperbaiki cara perniagaan kita. Kalau dulu kita berniaga hanya duduk di atas lantai, sekarang kita perlu berubah ke arah yang lebih moden selaras dengan perkembangan masa kini," katanya semasa berucap melancarkan buku "Che Det dan Pekan Rabu", di perkarangan Pekan Rabu, di sini.

Buku yang ditulis oleh Zahidi Bin Datuk Zainol Rashid itu ditebitkan sempena Karnival Pekan Rabu sebagai menghargai sumbangan jasa dan perhatian berat Dr Mahathir kepada Pekan Rabu, pusat perniagaan bumiputera di pusat bandar ini.

Dr Mahathir berkata peniaga kecil itu boleh melihat bagaimana peniaga besar mempamerkan barangan mereka, serta menjaga kualiti barangan berkenaan.

"Orang rela membayar walaupun dengan harga yang tinggi kerana mereka tahu mereka mendapat barangan yang baik serta layanan yang baik," katanya.

Dr Mahathir berkata sesetengah peniaga kecil berpendapat untuk melariskan barangan mereka, mereka harus menjualnya dengan harga yang murah tanpa mengambil kira kualitinya.

Beliau menasihatkan para peniaga itu supaya memberi perhatian kepada soal kualiti kerana pengguna sekarang tidak kisah fasal harga tetapi lebih mengutamakan kualiti.

Di samping itu beliau juga mahu peniaga mengekalkan kebersihan dan keindahan bagi memastikan orang ramai terus berkunjung ke tempat mereka.

Mengenai Pekan Rabu, beliau berkata para peniaga di situ haruslah menjadikan perniagaan mereka itu sebagai satu cara mencari pengalaman untuk memulakan perniagaan yang lebih besar.

"Mereka harus fikir untuk jadikan tempat ini pengalaman berniaga dan kumpul duit untuk berniaga di tempat lain dengan itu mereka dapat tingkatkan kecekapan, dan tempat mereka diambil peniaga yang baru pula," katanya.

Dr Mahathir juga menyambut baik cadangan kerajaan negeri untuk memajukan kompleks Pekan Rabu, dengan menjadikan Bintang Walk di Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur sebagai model.

Katanya di Bintang Walk, harga secawan kopi sahaja mencapai RM12, tetapi oleh kerana tempat tepi jalan itu dibuat begitu cantik ia berjaya menarik pelancong dari negara luar.

"Saya yakin sekiranya Pekan Rabu dibangunkan secara tertib dan cantik, ramai pelancong akan turut berkunjung ke sini," katanya.

Banyak yang boleh dilakukan di sini, contohnya semasa jualan juadah berbuka puasa, para peniaga boleh menjual makanan yang pelbagai jenis agar orang ramai mempunyai lebih banyak pilihan, katanya.

Setiap bulan puasa, Dr Mahathir berkunjung ke Pekan Rabu untuk membeli juadah di samping beramah mesra dengan peniaga di situ.

Yang turut hadir pada majlis pelancaran itu ialah Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan anggota Exco kerajaan negeri.

-- BERNAMA

MAN MZM NMO